




## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA

### DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Sejajar dengan peruntukan Seksyen 16, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994( Akta 514 ), maka dengan ini dinyatakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

- **Menjadikan sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang penting dan integral dalam semua aspek pengurusan kebombaian selaras dengan kehendak undang-undang negara.**
- **Melantik pegawai-pegawai keselamatan dan kesihatan untuk mengurus keselamatan dan kesihatan di semua tempat kerja dan pada masa yang sama menjadikan tanggungjawab semua pegawainya untuk mewujudkan dan mengekalkan sistem kerja yang selamat.**
- **Membudayakan sistem kerja selamat berteraskan kefahaman, tanggungjawab dan pengaturan diri.**
- **Mencegah dan mengurangkan kejadian kemalangan, kemalangan nyaris, kecederaan dan penyakit melalui penaksiran risiko dinamik di tempat operasi kebombaian dan penyelamatan serta di tempat kerja.**
- **Menyediakan latihan dan garis panduan bagi memupuk dan mendisiplinkan pekerja supaya mereka dapat mengamalkan tahap keselamatan yang tinggi dalam setiap pekerjaan.**
- **Menilai semula semua dasar, sistem, program serta prosedur kerja dari masa ke semasa sebagai satu usaha peningkatan kecemerlangan yang berterusan.**

Semua pekerja hendaklah memberikan komitmen dan kerjasama bagi menayakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan seperti di atas.

  
(DATO' HAMZAH BIN ABU BAKAR)  
Ketua Pengarah,  
Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Malaysia